

Sekolah ditutup akibat banjir

Seramai 200 murid SK Padang Melangit dibenarkan bercuti kerana sekolah dinaiki air sejak awal pagi semalam

PADANG BESAR - Seramai 200 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Melangit, Beseri diberikan pelepasan cuti semalam selepas kawasan sekolah itu dinaiki air sehingga paras lutut akibat hujan tanpa henti sejak tiga hari lalu.

Pengarah Pendidikan Perlis,

Rooslee Ismail berkata, arahan itu dikeluarkan pada jam 8 pagi selepas sesi persekolahan terganggu apabila air mula melimpah sejak awal pagi.

Katanya, pihak jabatan akan terus memantau sekiranya kejadian itu turut berlaku di sekolah lain di negeri ini setelah air mula melimpah ke kawasan

penempatan penduduk.

Dalam pada itu, guru SK Padang Melangit, Ahmad Shah Omar berkata, air mula melimpah ke kawasan sekolah sejak jam 3 pagi.

"Sepatutnya hari ini (semalam) kami mengadakan majlis penutup Sambutan Bulan Kebangsaan tetapi akibat banjir, semua murid dibenarkan pulang selepas mendapat arahan dari Jabatan Pendidikan negeri.

"Ini bukan kali pertama sekolah ini ditutup, pada Oktober tahun lalu, sekolah ini turut dinaiki air dan kami dibenarkan bercuti selama beberapa hari sebelum air surut," katanya.

Turut berada di sekolah tersebut adalah Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri, Hasan Ebau@Noi bagi meninjau situasi banjir.

Sementara itu, seramai 160 mangsa dari 40 keluarga dipindah-



SK Padang Melangit mula dinaiki air selepas hujan lebat sejak tiga hari lalu.

kan ke tiga pusat pemindahan yang dibuka sejak pagi semalam.

Menurut kenyataan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) Perlis, setakat jam 5 petang semalam, seramai 50 mangsa dari 12 keluarga di Kampung Air Timbul dipindahkan ke Dewan Setia Padang Melaka ma-

nakala 39 mangsa dari 11 keluarga di Kampung Panggas dipindahkan ke Dewan Panggas Besar.

Katanya, seramai 71 mangsa melibatkan 17 keluarga dari Kampung Gial pula dipindahkan ke Pusat Khidmat Dun Mata Ayer sejak tengah hari semalam.



Murid SK Padang Melangit pulang selepas diumumkan cuti akibat banjir.